

R 2337 DEB

MAHATHIR - DADAH

1985

KUALA LUMPUR, 12 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA JUMLAH PENAGIH DADAH SUDAH TENTU AKAN BERKURANGAN JIKA MEREKA YANG TELAH DIPULIHKAN DAPAT TERUS MENGHINDARI DIRI DARIPADA TERJERUMUS SEMULA KEPADA PENAGIHAN DADAH.

MASYARAKAT PULA HARUSLAH MENGUBAH SIKAP NEGATIF MEREKA DENGAN MEMBERIKAN KESEMPATAN KEPADA BEKAS PENAGIH UNTUK MEMULAKAN HIDUP BARU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN PERKARA INI DALAM BUKU CENDERAMATA SEMPENA PERHIMPUNAN AGUNG KELAPAN PEMADAM KEBANGSAAN DI DEWAN BANDARAYA YANG AKAN DIRASMIKAN OLEH TIMBLAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM AHAD INI.

BELIAU MEMUJI USAHA YANG DIJALANKAN OLEH PEMADAM DAN PERANAN YANG PENTING YANG TELAH DITUNJUKKAN SELAMA INI DALAM USAHA MENCEGAH TERUS BERTAMBAHNYA PENAGIHAN DADAH DI NEGARA INI.

+ PEMADAM MERUPAKAN SATU-SATUNYA PERSATUAN YANG MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DAN TELAH MENUNJUKKAN KEBERKESANAN YANG TINGGI. SAYA HARAP PEMADAM AKAN TERUS MENDAPAT KERJASAMA SEMUA PIHAK DAN DENGAN DEMIKIAN DAPAT MENINGKATKAN KEGIATANNYA DALAM MEMERANGI GEJALA BURUK INI, + KATANYA.-- LAGI.

1108MST 12 07 85

MAHATHIR - DADAH 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAMAI BEKAS PENAGIH DADAH TELAH KEMBALI SEMULA MENYALAHGUNAKAN DADAH DISEBABKAN DI ANTARA LAIN TIDAK DIBERI TEMPAT ATAU PELUANG UNTUK KEMBALI KEPADA PANGKUAN MASYARAKAT DAN TERUS MENJADI ORANG YANG BERGUNA.

KATANYA BILANGAN INI SUDAH PASTI DAPAT DIKURANGKAN SEKIRANYA PERKARA-PERKARA SEPERTI INI TIDAK BERLAKU.

PERDANA MENTERI JUGA MENGHARAPKAN MASYARAKAT MENGUBAH SIKAP DALAM HAL INI KERANA IA SALAH SATU CARA DAN USAHA MEMBASMI PENYALAHGUNAAN DADAH UNTUK MENDAPATKAN HASIL YANG BAIK.

SETIAP ANGGOTA MASYARAKAT TIDAK BOLEH MENGELAKKAN DIRI DARIPADA TANGGUNGJAWAB INI KERANA JIKA GEJALA INI TERUS BERLELUASA AKIBAT BURUKNYA AKAN DITANGGUNG OLEH SEMUA.

PEMADAM WILAYAH PERSEKUTUAN TELAH DIPILIH MENJADI TUAN RUMAH PERHIMPUNAN AGONG TAHUN INI YANG DIJANGKA DIHADIRI OLEH 500 ORANG WAKIL SELURUH NEGARA. -- BERNAMA

1109MST 12 07 85